

GENTA 2024 meriahkan Hari Malaysia

AMIN FARIZ HASAN
FOTO: DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

SEMPENA dengan Sambutan Hari Malaysia 2024, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Festival Gendang dan Tari Kuala Lumpur 2024 (KL GENTA 2024) mulai 10 hingga 15 September 2024 lalu. Malam kemuncak pada 14 September 2024 di Dataran Merdeka dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri TP Dr Maimunah Mohd Sharif. Menurut Maimunah, festival ini dilihat sebagai platform utama pembelajaran dan interaksi kepada semua peserta festival bagi mempelajari keunikan muzik pengendangan, tarian, kostum dan seni warisan negara-negara yang menyertai festival ini.

"Ianya merupakan salah satu inisiatif DBKL untuk menarik pelancong dari dalam dan luar negara menerusi segmen pelancongan budaya," katanya. Seramai 250 peserta daripada 11 kumpulan merangkumi pemuzik pengendangan dan penari dibawa khas dari Thailand, Vietnam, Singapura dan Indonesia manakala penyertaan tempatan pula adalah dari Kumpulan Kebudayaan dan Kesenian Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) serta penglibatan Sekolah Seni Malaysia Johor dan Kumpulan Kesenian DBKL.

Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan artis jemputan Aina Abdul Noraniza Idris dan Osama Yamani selain persembahan Dikir Barat Akademi Arjunasukma.



Gema Selawat di Dataran Merdeka

BERSEMPENA Sambutan Maulidur Rasul yang jatuh pada tarikh yang sama dengan Sambutan Hari Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan Program Gema Selawat Kuala Lumpur pada 15 September 2024 di Dataran Merdeka.

Program dimulakan oleh kumpulan nasyid Hijjaz dengan bacaan sirah annabawiyah, Mahalul Qiyam (selawat beramai-ramai) dan tausiyah serta persembahan qasidah daripada kumpulan hadrah yang dijemput khas iaitu Kumpulan Nur Ahli Badar dan Kumpulan Qasidah Firqah Hadiqah Nadhiroh.

Dalam masa sama, turut diadakan ceramah agama oleh Dr Syed Shadrizan Syed Mohamad Wan Helmi Wan Mohamed atau lebih dikenali sebagai Maulana Wan Helmi dan Hushim Salleh.

Gema Selawat Kuala Lumpur merupakan salah satu inisiatif DBKL untuk memperkasakan program berbentuk kerohanian agar dapat sama-sama dihayati dan difahami oleh semua yang hadir.

